

## Bawal Exclusive tidak mahu imej tercalar

13 September 2019 6:51 PM



**KUALA LUMPUR, 11 SEPTEMBER 2019** - Pengasas Bawal Exclusive Sdn Bhd, Haliza Maysuri (tengah) menunjukkan sampel tudung Bawal Exclusive yang tulen ketika berucap pada sidang akhbar mengenai Pelanggaran dan Peniruan Cap Dagang Bawal Exclusive di St Regis Hotel Kuala Lumpur di sini hari ini. **GAMBAR - AMIR KHALID / PEMBERITA - FARAHIN ( JENAYAH, UTUSAN )**

**KUALA LUMPUR 13 Sept.** - Bawal Exclusive Sdn. Bhd. yang mengambil tindakan undang-undang buat kali pertama kepada pihak terlibat yang 'menciplak' tudung jenama mereka demi menjaga imej syarikat yang sudah terbina sejak 21 tahun.

Pengasas Bawal Exclusive, Haliza Maysuri berkata, isu meniru ini bukan perkara baharu kerana sebelum ini pihaknya sering mendapati terdapat peniaga yang meniru dari segi reka bentuk sahaja.

Bagaimanapun, beliau menegaskan tidak dapat berdiam diri lagi kerana kali ini pihak terlibat sudah berlebihan dengan meniru cap dagangan Bawal Exclusive yang berwarna biru.

"Kami bukan sahaja risau tindakan tidak bertanggungjawab itu memberi impak kepada Bawal Exclusive malah rakan kerjasama kami, Swarovski turut terkesan.

"Produk tiruan ini sememangnya berbeza, tengok gambar sahaja sudah tahu, belum lagi batu kristal yang mudah untuk gugur daripada tudung itu. Ternyata tidak sama dengan Bawal Exclusive original," katanya kepada Utusan Malaysia di sini.

Baru-baru ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas sebanyak 4,901 tudung Bawal Exclusive 'ciplak' bernilai lebih RM73,000.

Haliza dalam pada itu mengingatkan orang ramai supaya tidak takut untuk memasuki butiknya kerana, Bawal Exclusive menjual produk serendah RM57 yang turut mempunyai batu kristal Swarovski dan paling mahal RM17,000. "Jangan takut untuk memasuki kedai kami, percayalah kualiti produk original dan tiruan amat berbeza," seloroh beliau. - UTUSAN ONLINE



**KUALA LUMPUR, 11 SEPTEMBER 2019 - Pengasas Bawal Exclusive Sdn Bhd, Haliza Maysuri menunjukkan sampel tudung Bawal Exclusive yang tulen berserta label tulen yang dilekatkan pada produk tudung selepas berucap pada sidang akhbar mengenai Pelanggaran dan Peniruan Cap Dagang Bawal Exclusive di St Regis Hotel Kuala Lumpur di sini hari ini. GAMBAR - AMIR KHALID / PEMBERITA - FARAHERIN ( JENAYAH, UTUSAN )**